



**BAHAGIAN LANDSKAP
MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM**

**KENYATAAN SEBUTHARGA
(Tawaran Khas Untuk Bumiputera)**

Sebutharga ini adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal / kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan MPKB-BRI, LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK), Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputra (SKKTB), PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK), dalam kelas CIDB dengan mempunyai kepala dan sub kepala / pengkhususan dan masih dibenarkan memasuki mana-mana sebutharga buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :

1. PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)
2. LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)

Gred : G1

Kategori : CE14

Dan masih dibenarkan memasuki mana-mana sebutharga buat masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

BIL	NAMA PROJEK	NO. SEBUTHARGA	CATATAN
1.	MENAIKTARAF LANDSKAP DI ATAS DIVIDER BERMULA PERSIMPANGAN BILLION SEHINGGA PERSIMPANGAN PASIR HOR, JALAN SULTAN YAHYA PETRA, KOTA BHARU	MPKB-BRI (BL) SH7/21	Tempat taklimat : Tiada lawatan tapak (PKP)

1. Butir-butir sebutharga boleh didapati dari **BAHAGIAN LANDSKAP, TAMAN PERBANDARAN TENGGU ANIS, TANJONG CHAT, 15400 KOTA BHARU, KELANTAN.**

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin memasuki sebutharga ini dikehendaki mengeluarkan wang pos atau wang tunai sahaja sebagai bayaran Dokumen Sebutharga berjumlah **RM50.00** dan tidak akan dikembalikan.

3. Dokumen Sebutharga hanya dikeluarkan dan diserahkan kepada wakil-wakil pembekal / kontraktor yang sah sahaja apabila pembayaran dibuat. Untuk maksud ini, wakil-wakil pembekal / kontraktor dikehendaki membawa surat pendaftaran asal dengan SSM, CIDB, SPKK, SKKTB / Sijil Taraf Bumiputra. Sila bawa 1 salinan sijil tersebut semasa membeli Sebutharga bagi simpanan pejabat MPKB-BRI. Dokumen sebutharga akan diserahkan apabila pembayaran dibuat.

4. **LAWATAN TAPAK** serta taklimat projek bagi cadangan projek ini adalah tidak diwajibkan. Bagi memastikan maklumat berkaitan spesifikasi / terma rujukan / brief projek adalah jelas, Majlis telah menyediakan **Dokumen Meja Tawaran** yang terperinci untuk rujukan pihak petender dan mula dijual kepada petender pada hari **ISNIN** bersamaan **20 SEPTEMBER 2021**.

5. Pihak kontraktor hendaklah atas inisiatif sendiri melawat kawasan atau tapak projek yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga berkenaan. Lawatan ini dapat membantu petender mendapat maklumat yang lebih tepat bagi menyediakan harga tawaran sebutharga. Dalam hal ini pihak petender hendaklah mematuhi syarat-syarat PKP dengan mengamalkan penjarakkan sosial, penggunaan 'hand sanitizer' dan pemakaian 'face mask' adalah perlu.

6. Sebutharga ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang ditempatkan di **BAHAGIAN PEROLEHAN, TINGKAT SATU, BLOK A, KOMPLEKS MPKB-BRI, JALAN HOSPITAL, 15000 KOTA BHARU** pada atau sebelum hari **ISNIN** bersamaan **27 SEPTEMBER 2021** selewat-lewatnya jam 12.00 tengah hari.

Saya yang menjalankan amanah,


(MUHAMMAD FAIZUDDIN BIN MUHAMMAD FADZIL)
Penolong Pengarah Landskap
b/p : Yang DiPertua
Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam

Tarikh : **20/9/2021**

- s.k
1. Pengerusi Jawatankuasa Tender dan Sebutharga, MPKB-BRI
 2. Ahli Jawatankuasa Tender dan Sebutharga, MPKB-BRI
 3. Ahli-ahli Majlis, MPKB-BRI
 4. YBrs. Setiausaha, MPKB-BRI
 5. YBrs. Pengarah Perancang Bandar & Landskap
 6. Papan Kenyataan Bahagian Landskap, MPKB-BRI
 7. Papan Kenyataan Jabatan Kejuruteraan, MPKB-BRI
 8. Papan Kenyataan Bahagian Perhubungan Awam, MPKB-BRI
 9. Bahagian Perolehan, MPKB-BRI
 10. Pembantu Pejabat (O.A)
 11. Fail MPKB-BRI (BL) SH. 7/21
 12. Buku Lawatan Tapak
- Bahagian IT**

